

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kurau, Meranti dua lagi kluster baharu dikesan

13 kes terkini dilapor, dua dari kluster Sivagangga

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan mengesan dua lagi kluster baharu COVID-19 dikesan iaitu kluster Kurau di Perak dan kluster Meranti di Putrajaya.

Selain itu, dua lagi individu positif bagi kluster Sivagangga semalam, menjadikan jumlah kes positif bagi kluster itu 45 kes.

Ketua Pengarah

Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ada 13 kes baharu sehingga tengah hari semalam,



menjadikan jumlah positif di negara ini sebanyak 9,083 kes.

"Terdapat dua kes positif membabitkan kluster Kurau, iaitu kes pertama ke-9,050 dilaporkan pada 7 Ogos lalu, manakala kes kedua (kes ke-9082) membabitkan abang ipar kepada kes pertama berkenaan.

"Kes kedua kluster ini dikesan hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat. Susulan itu, individu terbabit sekeluarga yang berada di Pulau Pinang turut disaring.

"Pada 9 Ogos lalu, beliau dikesan positif COVID-19, manakala lima ahli keluarganya disaring setakat ini dikesan negatif.

"Seramai 115 individu kontak rapat sudah disaring dan daripada jumlah ini, 106 individu disahkan negatif dan sembilan lagi

masih menunggu keputusan. Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan," katanya semalam.

Bagi kluster Meranti, Dr Noor Hisham berkata, ia mula dikesan apabila kes ke-9,083 membabitkan seorang petugas kesihatan didapati positif COVID-19, semalam.

Katanya, kes itu mempunyai kontak kepada kes ke-8,968 yang dikesan hasil saringan prapembinaan dan dilaporkan pada 31 Julai lalu.

"Selepas disiasat, kes ke-8,968 didapati pernah mempunyai sejarah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan, tempat kes ke-9,083 bertugas.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif sedang dijalankan. Setakat ini, 15 individu disaring. Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai 13 kes baharu, Dr Noor Hisham berkata, sembilan kes import mendapat jangkitan di luar negara membabitkan lima warganegara Malaysia dan empat bukan warganegara.

Katanya, sembilan kes import itu dari China (dua kes di Kuala Lumpur) dan India (dua kes di Kuala Lumpur).

"Bagi kes import dari Jepun, ia membabitkan dua kes masing-masing satu kes di Kuala Lumpur dan Selangor.

"Kes import Ireland pula membabitkan satu kes di Kuala Lumpur; Indonesia (satu kes di Kuala Lumpur); Yaman (satu kes di Sarawak).

"Semua empat kes penularan dalam negara itu dalam kalangan warganegara," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, penularan dalam negara membabitkan Pulau Pinang (tiga kes) dan dua kes daripada kluster Pesakit Bawah Siasatan (PUI) Sivagangga, manakala satu kes daripada kluster Kurau.

Katanya, Putrajaya pula merekodkan satu kes daripada kluster Meranti.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian COVID-19 semalam dan jumlah kumulatif kes kematian di Malaysia kekal 125 kes.

Bagi kluster Sivagangga, Dr Noor Hisham berkata, 4,636 individu sudah disaring di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

"Sebanyak 31 kes dikesan positif di Kedah selepas 4,078 individu disaring, manakala 4,020 individu disahkan negatif dan 27 lagi masih menunggu keputusan.

"Di Perlis, 11 kes disahkan positif selepas 390 individu disaring, manakala 379 individu masih menunggu keputusan.

"Bagi Pulau Pinang pula, tiga kes disahkan positif termasuk dua kes baharu, 85 individu negatif dan 80 lagi menunggu keputusan," katanya.

Dua kes positif babit kluster Kurau, iaitu kes pertama ke-9,050 yang dilaporkan pada 7 Ogos lalu.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

4,636 individu sudah disaring babitkan kluster Sivagangga

Kuala Lumpur: Seramai 4,636 individu di tiga negeri sudah disaring berkaitan kluster Sivagangga sehingga semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, seramai 45 individu dikesan positif Covid-19.

"Pecahan saringan mengikut negeri yang terbabit adalah Kedah dengan seramai 4,078 individu disaring di mana 31 kes dikesan positif dan 27 masih menunggu keputusan.

"Sebanyak 390 saringan dilakukan di Perlis dengan 11 kes dikesan positif

Covid-19 dan 379 individu masih menunggu keputusan," katanya, semalam.

Katanya, seramai 168 individu sudah disaring di Pulau Pinang di mana tiga daripadanya dikesan positif dan 80 individu masih menunggu keputusan.

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif masih diteruskan.

Langkah-langkah pencegahan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar juga dijalankan di kawasan dikenal pasti berkait rapat dengan kluster ini.

"Situasi terkini kluster

ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa kepada orang ramai," katanya.



DR Noor Hisham

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : LOKAL

Dua kluster baharu dikenal pasti KKM

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti dua lagi kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Kurau dan Kluster Meranti, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, dua individu positif Covid-19 menerusi Kluster Kurau di mana kes pertama iaitu kes ke-9050 dilaporkan pada 7 Ogos lalu.

“Kes kedua kluster ini iaitu kes ke-9082 adalah abang ipar kepada kes ke-9050, di mana beliau dikesan hasil aktiviti pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat.

“Susulan itu, individu dan keluarganya berada di Pulau Pinang turut disaring. Pada 9 Ogos lalu, be-

liau dikesan positif Covid-19 manakala ahli keluarga seramai lima orang disaring dikesan negatif.

“Setakat ini, 115 individu kontak rapat sudah disaring dan daripada jumlah itu, 106 individu negatif dan sembilan masih menunggu keputusan. Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan,” katanya.


Dr Noor Hisham berkata, kluster kedua pula adalah Kluster Meranti yang mula dikesan pada kes ke-9083 iaitu seorang petugas kesihatan dikesan positif Covid-19 pada 8 Ogos lalu.

“Beliau mempunyai kontak kepada kes ke-8,968 iaitu kes Covid-19 yang dikesan hasil daripada saringan pra pembedahan,” katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA



SUASANA di RTC Napoh lengang selepas ditutup ekoran penularan virus Covid-19 di pekan Napoh, Jitra minggu lalu.



PASUKAN keselamatan membuat sekatan jalan untuk memeriksa orang ramai yang ingin memasuki Pekan Napoh semalam.

Tekanan dirasakan komuniti setempat makin bertambah, perniagaan makin merosot

Penduduk Napoh dipulaukan

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

JITRA – Tekanan yang dirasakan oleh penduduk Napoh dan kawasan sekitarnya di sini bertambah hebat apabila mereka mendakwa seolah-olah telah dipulaukan dan orang lain mula mengelak untuk berselisih setiap kali terserempak di kawasan awam.

Tanggapan buruk itu didakwa bermula sejak kawasan itu digelar Kluster Sivagangga yang menyebarkan Covid-19.

Rata-rata penduduk yang ditemui memberitahu, masyarakat

luar seolah-olah 'memulaukan' mereka kerana dituduh pembawa virus tersebut.

Penduduk Kampung Cherok Mokkan, Norbee Othman, 50, mendakwa, penduduk yang mengenalnya bertindak menjauhkan diri ketika dia keluar membeli barang keperluan di sebuah pasar raya di luar kawasan Napoh sebelum Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di situ.

"Nampak sahaja penduduk Napoh, mesti ramai yang lari dan keadaan itu sangat menyedihkan," dakwanya ketika ditemui di

Napoh dekat sini semalam.

Tambahnya, apa yang lebih membimbangkan ialah tanggapan buruk itu dikuatir kekal buat selama-lamanya dan ia bukan sahaja memberi tekanan kepada penduduk tetapi juga peniaga di situ.

"Saya menyara keluarga sebagai tukang urut dan tidak tahu lah apa persepsi pelanggan saya yang berada di luar Napoh selepas ini," ujarinya.

Peniaga kedai makan, Hasnah Ariffin, 60, berkata, dia menjangkakan impak daripada kluster itu akan berpanjangan dalam satu

tempoh yang lama.

"Saya bimbang dengan nasib peniaga di sini terutama di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Napoh yang mana orang luar mungkin takut untuk singgah di Napoh selepas ini," katanya.

Sementara itu di Putrajaya, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 13 kes baharu dilaporkan semalam di mana dua daripadanya adalah dari Kluster Sivagangga.

Katanya, seramai 4,636 orang disaring bagi Kluster Sivagangga dengan 45 dikesan positif Co-

vid-19 masing-masing 31 kes di Kedah, 11 kes (Perlis) dan tiga kes di Pulau Pinang.

"Terdapat 27 individu masih menunggu keputusan di Kedah, Perlis (379) dan Pulau Pinang (80).

"Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif masih diteruskan. Selain itu, langkah-langkah pencegahan seperti proses nyah kuman dan nyah cemar juga turut dijalankan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti berkait rapat dengan kluster ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Penduduk gesa tarik lesen perniagaan Restoran Salleh



SEORANG lelaki melalui Restoran Salleh yang didakwa menjadi punca penyebaran virus Covid-19 di pekan Napoh semalam.

JITRA – Penduduk di Napoh menggesa supaya lesen perniagaan Restoran Salleh yang menjadi punca penularan Covid-19 bagi Kluster Sivagangga ditarik balik.

Penduduk Taman Seri Hosba, Fatim Afifah Raymi, 20, berkata, perbuatan pemilik restoran itu yang ingkar dengan arahan kuarantin di rumah telah menyusahkan semua penduduk di Napoh.

"Saya kira bukan sahaja penduduk di daerah Kubang Pasu yang terjejas, kerana wabak ini telah menular ke daerah Padang Terap dan Kulim serta ke negeri Perlis dan Pulau Pinang," katanya ketika ditemui di pekan Napoh di sini semalam.

Tambahnya, tindakan kom-

paun sebanyak RM1,000 yang dikenakan ke atas pemilik restoran itu juga tidak sepadan dengan apa yang penduduk terpaksa hadapi.

"Apa yang kami hadapi jauh lebih buruk apabila semua penduduk terpaksa kuarantin di rumah, tidak boleh bekerja serta dilarang melakukan aktiviti luar," ujarinya.

Menurutnya, restoran tersebut menjadi tumpuan kepada penduduk dan pengguna Lebuhraya Utara Selatan untuk makan nasi kandar dan roti canai.

"Restoran Salleh merupakan satu-satunya restoran yang menjual nasi kandar di pekan Napoh yang mana sebuah lagi kedai nasi kandar terletak di pekan Changlun, kira-kira sem-

bilan kilometer dari sini," jelasnya.

Justeru, dia meminta Majlis Perbandaran Kubang Pasu (MPKP) menimbang untuk menarik balik lesen perniagaan restoran berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Khairun Mihad, 37, berkata, dia sangat bersetuju jika pemilik restoran itu tidak lagi dibenarkan beroperasi di situ.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MPKP, Datuk Aminuddin Omar berkata, beliau akan mengetegahkan gesaan penduduk berhubung lesen perniagaan Restoran Salleh.

"Saya akan bawa isu ini dalam mesyuarat penuh MPKP yang akan diadakan dalam tempoh terdekat," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kes babitkan warganegara masing-masing satu dari Perak dan Putrajaya

Dua kluster baharu dikenal pasti



KLUSTER Meranti dikesan selepas seorang petugas kesihatan positif Covid-19. - AFP

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Dua kluster baharu Covid-19 iaitu Kluster Kurau di Perak dan Kluster Meranti di Putrajaya dikesan dengan masing-masing mencatatkan satu kes setakat semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, dua kluster tersebut adalah penularan tempatan membabitkan warganegara.

Beliau berkata, kes pertama Kluster Kurau iaitu kes ke-9,050 merupakan kes positif Covid-19 yang telah dilaporkan pada 7 Ogos lalu, manakala kes kedua iaitu kes ke-9,082 merupakan abang ipar kepada kes ke-9,050.

"Pada 9 Ogos lalu, mangsa dikesan positif Covid-19, manakala lima ahli keluarganya yang

berada di Pulau Pinang dikesan negatif.

"Setakat ini, seramai 115 individu kontak rapat telah disaring dan seramai 105 didapati negatif, manakala sembilan kes masih menunggu keputusan," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Berhubung Kluster Meranti, Noor Hisham memberitahu, kes dikesan selepas seorang petugas kesihatan iaitu kes ke 9,083 dikesan positif Covid-19 pada 8 Ogos lalu.

Katanya, mangsa mempunyai kontak dengan kes ke-8,968, iaitu kes Covid-19 yang telah dikesan hasil daripada saringan prapembedahan pada 31 Julai lalu.

"Hasil siasatan mendapati kes ke-8,968 mempunyai sejarah mendapatkan rawatan di sebuah

fasiliti kesihatan petugas kesihatan itu bertugas.

"Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan dan saringan kontak rapat serta aktiviti pengesanan sedang dijalankan dengan 15 individu disaring setakat ini (semalam)," katanya.

Tambahnya, sebanyak sembilan kes import yang mendapat jangkitan di luar negara melibatkan lima warganegara dan empat bukan warganegara menjadikan jumlah keseluruhan kes Covid-19 semalam sebanyak 13 kes.

Daripada jumlah itu, tujuh kes direkodkan di Kuala Lumpur membabitkan dari China (2), India (2), Jepun (1), Ireland (1), Indonesia (1) serta masing-masing satu kes dari Yemen dan Jepun yang direkodkan di Selangor dan Sarawak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Dua kluster baharu dikesan

Kluster Kurau di Pulau Pinang dan Kluster Meranti di Putrajaya

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan dua lagi kluster baharu berkaitan wabak Covid-19 iaitu Kluster Kurau di Pulau Pinang dan Kluster Meranti di Putrajaya, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah.

Memperincikan Kluster Kurau, beliau berkata, kluster itu melibatkan dua kes positif dengan kes pertama kluster itu adalah kes ke-9,050 dilaporkan Jumaat lalu manakala kes kedua adalah kes ke-9,082 yang merupakan abang ipar kepada kes ke-9,050.

"Beliau (kes kedua) dikesan hasil aktiviti pengesanan kes

secara aktif dan saringan kontak rapat. Susulan itu, beliau sekeluarga yang berada di Pulau Pinang turut disaring.

"Hari ini (semalam) beliau dikesan positif Covid-19 manakala ahli keluarganya seramai lima orang yang disaring setakat ini dikesan negatif," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa sehingga kini 115 kontak rapat telah disaring dengan 106 adalah negatif manakala sembilan masih menunggu keputusan ujian saringan.

"Pengesanan kes secara aktif dan saringan kontak rapat masih diteruskan," katanya.

Mengenai Kluster Meranti, Dr Noor Hisham berkata, kes positif dikesan kelmarin apabila seorang petugas kesihatan iaitu kes ke-9,083 dikesan positif.

"Beliau mempunyai kontak kepada kes ke-8,968, iaitu kes Covid-19 yang dikesan hasil



Kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri meneruskan pengesanan kes secara aktif bagi mencari kontak rapat Covid-19 dari rumah ke rumah berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran di daerah Sanglang semalam.

daripada saringan pra pembedahan. Setelah disiasat, kes ke-8,968 didapati pernah mempunyai sejarah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan di mana kes ke-9,083 telah bertukar," katanya.

Menurut Dr Noor Hisham,

kementerian menjalankan ujian saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif dengan 15 individu telah disaring setakat ini.

"Punca jangkitan kluster ini masih dalam siasatan," katanya. Dalam pada itu, beliau ber-

kata, angka positif Covid-19 di Malaysia melonjak semula kepada dua angka iaitu 13 kes semalam dengan sembilan daripadanya kes import melibatkan lima warganegara Malaysia dan empat warga asing.


"Empat kes lagi merupakan penularan tempatan melibatkan warganegara dengan dua daripadanya ialah Kluster PUI Sivagangga, satu merupakan Kluster Kurau dan bakinya adalah Kluster Meranti," katanya.

Bagi perkembangan Kluster PUI Sivagangga, Dr Noor Hisham berkata, setakat ini, sejumlah 4,636 orang disaring dalam kluster itu dan 45 didapati positif, 4,105 negatif manakala 486 masih menunggu keputusan ujian.

"Ujian saringan Covid-19 dijalankan di tiga negeri iaitu Kedah (4,078), Perlis (390) dan Pulau Pinang (168). Saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif masih diteruskan," katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: 9,083 **PULIH: 8,784** **ICU: 1** **KEMATIAN: 125** **KES BAHARU: +13**

*Dikemas kini pada jam 7 petang 9 Ogos 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,070 kes kepada 9,083 kes



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : DALAM NEGERI

Berdosa langgar SOP Covid-19

Oleh MOHD. FADHLI

MOHD. SULAIMAN

fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Usaha melawan Covid-19 dengan mematuhi segala arahan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan pihak berkuasa merupakan satu jihad dalam Islam.

Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria berkata, adalah berdosa sekiranya umat Islam enggan mematuhi atau sengaja mengambil sikap sambil lewa terhadap peraturan-peraturan ditetapkan.

"Kalau dia tak mahu ikut peraturan maka dia berdosa. Kita hidup bermasyarakat, kerajaan laksanakan SOP untuk kepentingan ummah, jadi kita wajib untuk menjaga masalah ummah, jangan merosakkannya," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Mufti Kelantan, Datuk Mohamad Shukri yang dihubungi turut menekankan kewajipan umat Islam tidak memudaratkan orang lain sebaliknya berusaha memastikan kesejahteraan bersama.

"Semua kegiatan kita lakukan secara konsisten dan bersungguh-sungguh adalah termasuk dalam jihad. Kita dituntut supaya tidak memudaratkan diri dan orang lain.

"Jadi wajib untuk semua pihak mematuhi arahan kerajaan," ka-



TAN SRI HARUSSANI ZAKARIA

tanya.

Sementara itu, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman menjelaskan, hukum mematuhi arahan demi kebaikan bersama terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi SAW.

"Ayat hendaklah kamu taat pada Allah SWT, Rasul dan ulil amri bermaksud hendaklah kita

taat kepada perintah Allah dan pemerintah jadi jelas bahawa perintah yang dikeluarkan kerajaan adalah suatu kewajipan untuk didengari dan dipatuhi.

"Walaupun mungkin ada yang tidak menyukainya tetapi selagi perintah itu tidak mendorong kepada kemaksiatan, kita wajib patuh. Kita harus

bersyukur kerana keadaan kita lebih baik daripada negara lain tetapi apabila SOP tidak dipatuhi, maka kita sendiri yang akan susah," katanya.

Ketika negara hampir berjaya melandaikan graf wabak Covid-19, namun kemunculan kluster Sivagangga di Kedah akhir bulan lalu meningkatkan kembali kebimbangan semua pihak.

Keadaan itu memaksa kerajaan memperketatkan SOP dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran sejak semalam di negeri berdekatan.

Sejak 1 Ogos lalu juga kerajaan mewajibkan pemakaian pelitup muka di kawasan tumpuan orang ramai dan sesak. Mereka yang gagal berbuat demikian dikenakan denda RM1,000.

Semalam, Perdana Menteri meminta masyarakat mengangap diri sendiri sebagai 'petugas barisan hadapan' dalam memerangi Covid-19 dengan menjadikan norma baharu sebagai amalan harian.

Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika melancarkan Kempen Pembudayaan Norma Baharu menekankan bahawa kejayaan mengekang pandemik itu sangat bergantung kepada sejauh mana peranan masyarakat menjaga aspek kawalan kendiri.

Kurau dan Meranti dua kluster terbaharu

PUTRAJAYA: Sebanyak dua kluster baharu dikesan semalam iaitu kluster Kurau dan Meranti membabitkan kes masing-masing yang dilaporkan pada 7 dan 8 Ogos lalu.

Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, kluster Kurau dikesan menerusi saringan positif bagi kes pertama (kes ke-9,050) pada 7 Ogos dan kes kedua adalah abang ipar mangsa (kes ke-9,082).

"Kes kedua ditemukan hasil aktiviti pengesanan kes dan saringan kontak rapat kepada kes ke-9,050 yang telah dilaksanakan.

"Susulan itu kesemua ahli keluarganya di Pulau Pinang telah disaring namun didapati kesemuanya negatif," katanya dalam laporan harian perkembangan terkini Covid-19 di sini hari ini.

Jelas Dr. Noor Hisham, sehingga kini seramai 115 individu kontak rapat bagi kes kluster Kurau telah disaring dan daripada jum-



DR. NOOR HISHAM ABDULLAH

lah itu seramai 106 orang didapati negatif manakala sembilan masih menunggu keputusan.

Bagi kluster Meranti, ia mula dikesan apabila kes ke-9,083 iaitu seorang petugas kesihatan dike-

san positif Covid 19.

Petugas tersebut mempunyai kontak kepada kes ke-8,968, iaitu kes Covid-19 yang telah dikesan hasil daripada saringan prapembedahan kes yang telah dilaporkan pada 31 Julai lalu.

"Kes ke-8,968 didapati pernah mempunyai sejarah mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan iaitu kes ke-9,083 bertugas," ujarnya.

Tambahnya, saringan kontak rapat dan aktiviti pengesanan kes secara aktif sedang dijalankan dimana setakat ini 15 individu telah disaring dan punca bagi kluster Meranti masih dalam siasatan.

Dalam pada itu, bagi Kluster Sivagangga di Napoh, Kedah, seramai 4,636 individu telah disaring setakat tengahari semalam dan hasilnya seramai 45 orang telah dikesan positif.

Pecahan saringan dilakukan di tiga buah negeri dengan Kedah iaitu seramai 4,078 individu

disaring dan 31 positif, 4,020 negatif manakala selebihnya, 27 individu masih menunggu keputusan.

Bagi Perlis, membabitkan seramai 390 individu disaring dan daripada jumlah tersebut 11 individu dikesan positif manakala 379 individu masih menunggu keputusan.

Menurut Dr. Noor Hisham, saringan yang dilakukan di Pulau Pinang pula melibatkan seramai 168 individu disaring, tiga dikesan positif, 85 negatif dan 80 lagi masih menunggu keputusan.

"Sementara itu, sembilan kes positif Covid 19 telah pulih semalam yang mencatatkan jumlah kumulatif kes pulih sepegunya adalah sebanyak 8,784 orang," katanya.

Kes baharu katanya, adalah sebanyak 13 kes sekali gus mencatatkan kes keseluruhan positif Covid 19 sebanyak 9,083 individu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1-3

RUANGAN : NEWS/NATION



KUALA Sanglang in Perlis has been placed under TEMCO, joining four sub-districts in Kubang Pasu and Padang Terap, Kedah due to an increase in Covid-19 cases from the Sivagangga cluster. Yesterday, Penang recorded more cases from the same cluster and an additional one from a newly identified Kurau cluster.

» REPORTS ON PAGES 2 & 3

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1-3

RUANGAN : NEWS/NATION

COVID-19

NORTHERN STATES HIT BY RELENTLESS WAVE OF CASES

Former green zones
Kedah, Perlis and
Penang report
new clusters

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MALAYSIA'S northern states, which were previously model cases in terms of relatively low Covid-19 infections, have been hit by a relentless wave of new cases and new clusters.

Kedah is the worst-hit state, with 30 active cases up to noon yesterday.

The Sivagangga cluster, which erupted in Nipoh, Kedah, has spread to neighbouring Penang and Perlis.

The cluster, involving three generations, is the nation's most active cluster with 45 cases.

Up to noon yesterday, 4,636 people linked to the cluster had been screened.

Thirty-one people tested positive in Kedah, 11 in Perlis and three in Penang.

These numbers are likely to increase as the Health Ministry continues active case detection for the Sivagangga cluster and two new clusters — Kurau and Meranti — reported yesterday.

The Kurau cluster originated in Perak and the Meranti cluster in Putrajaya.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the Kurau cluster index case (Case 9,050) was reported on Friday in Perak, while its second case (Case 9,082) was detected in Penang.

"The whole family in Penang has been screened.

"On Aug 9 (yesterday), the patient tested positive, while five family members tested negative.

"To date, 115 close contacts have been screened and 106 are negative and nine awaiting results.

"Active case detection and close contact screening are ongoing."

On the Meranti cluster, he said it was detected when Case 9,083, a health officer, tested positive for Covid-19 on Saturday.

He said the patient was in contact with Case 8,968, who tested positive in a pre-surgery screening, reported on July 31.

"Case 8,968 had received treatment at a health facility where Case 9,083 was on duty."

The source of the infection was being investigated, he said.

The three northern states were among the earliest to record zero new Covid-19 cases.

Perlis was the first state to record zero new Covid-19 cases, with only 18 cases previously, and it had been a green zone for three months since April 22.

Its status changed to yellow on July 29 after an undocumented immigrant tested positive and cases spiked after the spread of the Sivagangga cluster. Perlis has 12 active cases.

Kedah was declared a green zone on April 30 after recording 95 cases during the first wave of the outbreak.

Perak was declared a green zone on April 30 with 253 cases. Since then, 13 more cases have been reported in the state, with four active cases.

Penang lost its green zone status on Aug 7 after being free of Covid-19 for 91 days.

In **George Town**, Penang Chief Minister Chow Kon Yeow stressed the importance of contact tracing following the detection of three new Covid-19 cases in the state.

He said more than 100 people who came in contact with the three cases had been contacted and tested for the virus, with the majority testing negative.

"We are waiting for a few more results.

"What is important is contact tracing so that testing and isolation can be done.

"If necessary, those affected should be treated immediately," he said.

Dr Noor Hisham said the Health



Ministry yesterday recorded 13 new Covid-19 cases, four of which were transmitted locally.

Three of the four local cases were reported in Penang and one in Putrajaya.

Dr Noor Hisham said two out of three cases in Penang were linked to the Sivagangga cluster.

Nine cases were imported, involving five Malaysians and four foreigners.

He said the imported cases were from China (two in Kuala Lumpur), India (two in Kuala Lumpur), Japan (one in Kuala Lumpur and one in Selangor), Ireland (one in Kuala Lumpur), Indonesia (one in Kuala Lumpur) and Yemen (one in Sarawak).

Up to noon yesterday, the total number of Covid-19 cases in the country stood at 9,083, with 174 active cases.

Dr Noor Hisham said nine more patients had been discharged from hospitals and no new fatalities were recorded.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1-3

RUANGAN : NEWS/NATION

Kuala Sanglang district closed off due to TEMCO

KUALA PERLIS: All roads leading to and from Kuala Sanglang district in Perlis will be closed following the implementation of the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO) to contain the spread of Covid-19 infections.

Perlis police chief Datuk Surina Saad said Kampung Tanah Timbul residents underwent Covid-19 screenings on Saturday, while Kampung Kuala Sanglang residents were scheduled to undergo screenings yesterday.

She said all routes in and out of the district would be closed once the screening process was done.

Three roads have been closed, with roadblocks set up, manned by some 60 police personnel.

The TEMCO, which took effect in Kuala Sanglang from 10pm on Saturday, involves two areas — Kampung Kuala Sanglang and Kampung Tanah Timbul, which would remain under lockdown for 28 days until Sept 4.

On Saturday, the state government said the TEMCO was implemented upon the advice of the Health Ministry after taking into account the number of active Covid-19 cases in the area.

The TEMCO would adopt standard operating procedures (SOP) of the Recovery Movement Control Order (RMCO).

Surina said police had instructed Kuala Sanglang residents and people who had visited the area since July 28 to undergo Covid-19 screenings.

She said this would allow the tracing of close contacts and contain any further spread of the Sivagangga cluster.

She said the public must make this a priority, and should they fail to get screenings, the authorities would go to their homes to ask them to get tested.

"We have a list of Kuala Sanglang residents.

"If they left the district before the spread was identified to have taken place, there's no issue.

"However, if they were in the district up to July 28 or had contact with suspected cases, they have to get a screening," she said during her visit to the areas under the TEMCO yesterday.

On the closure of entry and exit routes to Kuala Sanglang, Surina said police, which had begun setting up roadblocks in the area to control the movement of the public, would intensify monitoring of three rat lanes — one in Kampung Tanah Timbul and two in Kampung Kuala Sanglang.

"Back roads along padi fields that connect Kuala Sanglang to Kedah will also be closed.

"We ask the public to continue adhering to instructions from the authorities so that the spread of infection can be controlled.

"Residents in both villages are not allowed to leave their home and they have to serve their quarantine at home until the TEMCO period is over."

She said only heads of family were allowed to go out to get necessities, limited to inside the TEMCO area.

She said police would not issue any letter permitting any individual to go in or out of the TEMCO area, adding that such letters would be issued only by the Health Ministry.



Perlis Health Department personnel conducting contact tracing in Kuala Sanglang yesterday. BERHARAP

912 villagers in Kuala Sanglang must undergo health screening

KUALA LUMPUR: A total of 912 villagers from two villages in Kuala Sanglang, Perlis, which has been placed under the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO) since 10pm on Saturday, are required to undergo a comprehensive health screening to prevent the spread of Covid-19.

Perlis Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man said a 40-member team from the state Health Department had been deployed to carry out the exercise in Kampung Kuala Sanglang and Kampung Tanah Timbul.

He said it was compulsory for residents in the villages to comply with standard operating procedures (SOP) enforced by the authorities throughout the TEMCO period until Sept 4.

"Police have started patrolling and controlling entry and exit points in the two villages immediately after the TEMCO came into force at 10pm on Saturday.

"The Perlis Education Department has prepared a temporary accommodation for 15 Form Six students from SMK Syed Alwi who will sit examinations this Wednesday.

"The students have either been relocated to the school's hostels or an alternative accommodation near the school," said Azlan in a statement shared on his official Facebook page yesterday.

He said the state government, with the cooperation of the Civil Defence Force, had activated a quarantine centre to house people who need to be isolated to

prevent the spread of Covid-19.

Azlan confirmed that the state Education Department had ordered three schools in Kuala Sanglang to close for two weeks from Aug 10 to Aug 23.

"A total of 876 students and 112 teachers from SK Sanglang, SMK Sanglang and SJK(C) Chin Hun are affected by the closure.

"Teachers involved are required to undergo mandatory Home Isolation Order (HIO) during the period of the closure of the schools.

"The state government, with the cooperation of the Sanglang assemblyman, will arrange for the distribution of food necessities under the Basic Food Distribution Programme to families."

In Jitra, Kedah, the authorities

said residents in three sub-districts under the TEMCO would receive food aid.

A total of 150 packets of vegetables and more than 200 packets of rice would be distributed to Napoh residents who are under quarantine due to the spread of the Sivagangga Covid-19 cluster.

Kedah Agriculture and Agro-based Industry, Transportation and Primary Industries Committee chairman Azman Nasrudin said contributions from the Kedah Agricultural Board and Federal Agricultural Marketing Authority would be distributed by the Welfare Department to affected families.

He said the distribution process would be aided by the Civil De-

fence Force and People's Volunteer Corp (Rela), which would visit houses in affected sub-districts.

"The vetting of recipients will be handled by the Welfare Department, which will prioritise the underprivileged and families with many children.

"We will look for more contributions to help people in TEMCO areas as they have two weeks of quarantine left," he said at Dewan Tunku Anum here yesterday.

He said his committee would prioritise affected areas in Kubang Pasu and would channel aid to those in Padang Sanai, Padang Terap, who were affected by the Sivagangga cluster.

He said food supply would not be cut off for affected residents.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally (As at 7pm Aug 9, 2020)												
Malaysia							New cases	Total cases	Total deaths	Total recovered		
							13	9,083	125	8,784		
Asean+	Philippines	Indonesia	China	Singapore	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Cambodia	Brunei	Laos
Confirmed cases	129,913	125,396	84,619	55,104	45,439	14,598	3,351	812	359	248	142	20
Deaths	2,270	5,723	4,634	27	1,039	305	58	10	6	0	3	0
Recovered	67,673	80,952	79,168	48,583	31,307	13,642	3,151	395	311	217	138	19
Global Top 10	US	Brazil	India	Russia	South Africa	Mexico	Peru	Colombia	Chile	Spain		
Confirmed cases	5,150,060	3,013,369	2,156,756	887,536	553,188	475,902	471,012	376,870	371,023	361,442		
Deaths	165,074	100,543	43,498	14,931	10,210	52,006	20,844	12,540	10,011	28,503		
Recovered	2,638,673	2,094,293	1,481,825	693,422	404,568	318,638	319,171	204,591	344,133	N/A		

New clusters in Kurau and Meranti

Health DG: 13 new positive cases recorded with no new deaths

By ASHLEY TANG
ashleytang@thestar.com.my

PETALING JAYA: Two new clusters have been identified as the country records 13 new Covid-19 cases, says the Health director-general.

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the new clusters were the Kurau cluster and the Meranti cluster.

With 13 new cases recorded yesterday, he said they brought the total in the country to 9,083 cases.

Of the 13, nine were imported cases while the rest were local transmissions, he noted.

The nine imported cases consisted of five Malaysians and four foreigners.

In the local transmission cases, Dr Noor Hisham said three were from Penang - two from the



Sivagangga cluster and one from the Kurau cluster.

He added that the fourth case of local transmission was detected in Putrajaya from the Meranti cluster.

In the Kurau cluster, Dr Noor Hisham said to date, two positive cases had been detected.

He said the first case in the Kurau cluster was Case 9,050 which was reported on Aug 7.

The second case was the brother-in-law of this case who was

detected as a result of active case detection and close contact screening.

"The brother-in-law and his family in Penang were tested.

"On Aug 9, the individual was found to be positive for Covid-19 but five of his family members who have been tested so far are negative," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said that currently, 115 close contacts of the individual had been tested - 106 were negative while nine others were awaiting their results.

Meanwhile, in the Meranti cluster, Dr Noor Hisham said it originated from Case 9,083, a health worker who tested positive for Covid-19 on Aug 8.

"The individual was a close

contact of Case 8,968, a Covid-19 positive patient who was detected in a pre-operation screening.

"Upon further investigation, Case 8,968 had a history of seeking treatment at a healthcare facility in which Case 9,083 was working.

"Based on the close contact screening and active case detection that is currently underway, 15 individuals have so far been tested," he said.

Dr Noor Hisham added that the cause of the infection in the Meranti cluster was still under investigation.

Separately, in the Sivagangga cluster, Dr Noor Hisham said as of noon yesterday, 4,636 people had been screened.

Of the total, 45 people, he said, had tested positive.

Thirty-one of them were detected in Kedah, 11 in Perlis and three in Penang.

"Close contact screening and active case detection activity is still underway.

"Preventive measures such as disinfection and decontamination of areas that have been identified in this cluster are being carried out," he added.

Of the 9,083 cumulative total infections in the country, 174 of them are active cases, with one receiving treatment in the intensive care unit.

Nine patients have been discharged, bringing the total discharged to 8,784 cases.

Dr Noor Hisham added that no deaths were recorded, keeping the death toll at 125 cases.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Two new Covid-19 clusters detected: Health DG

► Infections registered among Kurau and Meranti groups in Perak and Putrajaya respectively

■ BY **KEERTAN AYAMANY**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Health Ministry has detected two new Covid-19 clusters, called Kurau and Meranti. One is in Perak and the other in Putrajaya.

Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said the Kurau cluster involved two positive cases.

"The first case in the Kurau cluster was case 9050 reported on Aug 7. The second, case 9082, is the brother-in-law of the first case," he said yesterday.

To date, 115 close contacts have been screened, with 106 found negative while nine more are awaiting test results.

Noor Hisham said the Meranti cluster was identified on Saturday when a health worker (case 9,083) was found to be positive.

"The person had contact with case 8,968, detected through pre-surgery screening.

"Upon investigation, case 8,968 was found to have a history of getting treatment at the health facility where case 9,083 was working. Fifteen individuals related to this cluster are currently undergoing screening."

Meanwhile, 13 new Covid-19 positive cases

were recorded yesterday, bringing the total number of infections detected in the country to 9,083.

Noor Hisham said nine of the new cases were imported, involving five Malaysians and four foreigners.

"The nine imported cases are from China, India, Japan, Ireland, Indonesia, and Yemen."

All four local transmission cases involved Malaysians. "In Penang, two of the cases are from the Sivagangga cluster, while one is from the Kurau cluster. The remaining case is from the Meranti cluster in Putrajaya."

Noor Hisham said nine cases were discharged yesterday bringing the total number of patients who have recovered to 8,784.

"This leaves 174 active Covid-19 cases in Malaysia. One of these patients is in intensive care, with none needing ventilator assistance."

No deaths were reported yesterday.